

20 SEP 2002

REAKSI-ICT/I

BELANJAWAN 2003 CERMINKAN KOMITMEN KUKUH KERAJAAN UNTUK PEMBANGUNAN ICT

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Belanjawan 2003 menjadi petunjuk yang jelas mengenai keutamaan yang diberikan kerajaan terhadap pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai satu daripada jentera pertumbuhan penting negara, kata ketua pegawai eksekutif MDC Datuk Dr Mohamed Arif Nun hari ini.

"Belanjawan itu memberi penekanan dan pengesahan semula dapatan anggota-anggota mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC keenam bahawa Koridor Raya Multimedia (MSC) telah matang dari segi pembanguna fizikal, pelaksanaan Aplikasi Perdana dan dalam mewujudkan pusat multimedia bertaraf dunia bagi menarik syarikat-syarikat antarabangsa ke MSC," katanya.

Sejajar dengan tumpuan belanjawan, pencapaian MSC dan Aplikasi Perdana telah meletakkan asas yang kukuh untuk penubuhan ekonomi berasaskan pengetahuan (K-ekonomi) di Malaysia, katanya.

Mohamed Arif berkata demikian sebagai mengulas Belanjawan 2003 yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini.

Dalam perkembangan lain, Mohamed Arif berkata pelancaran MyKad ke dalam arus perdana kehidupan Malaysia akan terus menggalakkan transformasi Malaysia kepada masyarakat berasaskan pengetahuan.

"Ini akan terus dirangsang oleh usaha-usaha dalam merapatkan jurang digital di kalangan rakyat Malaysia dan MDC mengalu-alukan langkah kerajaan melalui Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia untuk melaksanakan program penyambungan Internet ke kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak," kata beliau.

Sementara itu pengerusi Persatuan Modal Teroka Malaysia Asgari Mohd Fuad Stephens berkata kerajaan telah membentangkan belanjawan yang mesra perniagaan dengan strategi yang tepat pada masanya bagi meningkatkan persaingan Malaysia.

"Harus dipuji terutamanya ialah langkah kerajaan untuk terus memperuntukkan sejumlah RM1 bilion kepada industri modal teroka bagi projek-projek bukan ICT," kata Asgari.

"Langkah ini akan terus merangsang inovasi dan pengkomersilan projek-projek bukan ICT yang akan menyumbang dengan ketara kepada sasaran kerajaan yang memupuk syarikat tempatan bertaraf dunia," kata beliau.

Beliau berkata peruntukan berkenaan juga akan menggalakkan dan mengukuhkan peranan industri modal teroka sebagai pemangkin bagi inovasi serta sumber ekuiti bagi syarikat perniagaan.

Pengarah urusan/pengurus besar Enterprise Systems Group, Hewlett-Packard Sales (M) Sdn Bhd (HP) T.F Chong berkata Belanjawan 2003 secara keseluruhannya mengandungi peruntukan yang akan menggalakkan aktiviti perniagaan domestik, penggunaan dan pelaburan.

"HP yakin dengan sepenuhnya mengenai bagaimana ini akan diubah kepada prestasi perniagaan kita sendiri, terutamanya dalam ruang Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)," kata Chong.

"Walaupun tidak banyak insentif "baru" kali ini khususnya bagi ICT, kita faham keadaan ini memandangkan kerajaan telah memberikan insentif pada belanjawan-belanjawan sebelum ini," katanya.

Secara amnya, yang sedia ada masih kukuh untuk pengguna dan perniagaan, katanya.

Sebagai pengeluar komputer peribadi (PC) tempatan, HP mengalu-alukan

pengurangan kos penghantaran ke destinasi luar negara dan merancang untuk menggunakan perolehan berkenaan dengan menyalurkan sebahagian daripadanya ke dalam penggalakkan dalam negara serta pembangunan aktiviti perniagaan sejajar dengan objektif belanjawan.

Juga sebagai penyedia e-perniagaan, HP mengalu-alukan langkah penting kerajaan menjadikan Malaysia negara pertama di dunia mengguna pakai keseluruhan proses e-pemerolehan, kata Chong lagi. -- BERNAMA

MAS SD NHD